
POLISI PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAJAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (*CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* ATAU “CSR”)



Kumpulan
Hartanah Selangor
Berhad

(200101023989/559747-W)

Jabatan Pembangunan Perniagaan

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 18 Oktober 2022

KANDUNGAN

<u>Bil</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
1.	PENYATAAN POLISI	3
2.	OBJEKTIF POLISI	3
3.	SKOP POLISI	3
4.	DEFINISI	4
5.	PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT	4
6.	SUMBANGAN POLITIK	5
7.	AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001	5
8.	PENAMBAHBAIKAN POLISI	5

1.0 PENYATAAN POLISI

- 1.1 Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (“KHSB”) bersedia dan menyokong Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (“MBI”) dalam melaksanakan dan menjayakan aktiviti dan inisiatif CSR untuk kesejahteraan rakyat khususnya di negeri Selangor.
- 1.2 Program CSR KHSB adalah bertujuan untuk meningkatkan imej dan reputasi KHSB, dan pada masa yang sama, memberi manfaat kepada kesejahteraan dan kepentingan masyarakat dan organisasi. Dalam melaksanakan komitmen tersebut, KHSB menjalankan aktiviti CSR berdasarkan kepada Polisi dan Garis Panduan Anti Rasuah KHSB serta polisi-polisi lain yang berkaitan.
- 1.3 Program CSR KHSB mendukung dan mengambil pendekatan berdasarkan kepada konsep menambah baik dan melestarikan kehidupan masyarakat khususnya rakyat negeri Selangor.
- 1.4 KHSB beriltizam untuk menyumbang ke arah kelestarian dan memperkasakan golongan asnaf, miskin, kelainan upaya dan golongan yang memerlukan, tanpa mengetepikan aspek integriti, etika kerja, komuniti, sosial, ekonomi dan alam sekitar.

2.0 OBJEKTIF POLISI

- 2.1 Bertindak sebagai dokumen tatacara bagi kesemua pihak yang terlibat di dalam setiap aktiviti dan inisiatif CSR KHSB bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan lebih terancang, menyeluruh dan optimum.

3.0 SKOP POLISI

- 3.1 Polisi ini terpakai kepada :

3.1.1 Dalaman

- Pihak berkepentingan (Pemegang Saham).
- Ahli Lembaga Pengarah.
- Kakitangan KHSB.

3.1.2 Luaran

- Pertubuhan, badan bukan kerajaan, yayasan, alumni atau entiti yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 355) atau mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan.
- Badan sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576).
- Institusi Pendidikan Awam/Swasta; Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta; Institut Latihan Kemahiran Awam/Swasta; Institusi Agama; Rumah Ibadat Yang Berdaftar.

4.0 DEFINISI

4.1 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut :

Sumbangan dan tajaan	Merujuk kepada apa-apa yang diberikan sebagai bantuan atau sebagai sokongan.
CSR KHSB	Bermaksud kewajipan pengurusan sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan yang akan membantu dalam kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi. CSR juga merupakan komitmen bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat di negeri Selangor khasnya serta meningkatkan imej KHSB.

5.0 PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

- 5.1 KHSB berkongsi kejayaan yang diperolehi bersama pihak berkepentingan melalui Program CSR KHSB. KHSB berperanan sebagai sebuah syarikat kumpulan hartanah utama negeri Selangor yang memberi tumpuan dalam menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti. KHSB komited untuk muncul sebagai pemaju pilihan dan syarikat berkaitan kerajaan negeri terkemuka di Selangor yang berusaha untuk mengoptimumkan pulangan kepada Pemegang Sahamnya dan menyumbang kepada pembangunan negeri Selangor.
- 5.2 Pelaksanaan program CSR KHSB akan memberi keutamaan kepada pemohon daripada negeri Selangor bertujuan untuk memberi manfaat kepada penduduk tempatan dalam membasmi kemiskinan serta menaiktaraf kehidupan rakyat di negeri ini.
- 5.3 Jabatan Pembangunan Perniagaan merupakan sebuah jabatan yang telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan semua aktiviti-aktiviti CSR KHSB berdasarkan kepada skop/aktiviti berikut :
- Kebajikan, bantuan bagi pemuliharaan alam sekitar, flora dan fauna.
 - Pembangunan pendidikan, keselamatan dan pembangunan modal insan.
 - Penjagaan kesihatan, kesukanan, kesenian dan kebudayaan.
 - Projek infrastruktur.
 - Program keagamaan.
 - Program kemasyarakatan ("*Community Outreach Programme*").
 - Program-program dan aktiviti yang lain tertakluk kepada kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif KHSB.

- 5.4 Penerima sumbangan, tajaan dan CSR KHSB hendaklah dipastikan bahawa ianya adalah sebuah organisasi, individu atau entiti yang sah menurut undang-undang dan kaedah senarai semak pemeriksaan ketekunan wajar "*due diligence*" hendaklah dilaksanakan agar tiada elemen pengaruh tak wajar yang membawa kepada tafsiran kesalahan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 5.5 Aktiviti sumbangan, tajaan dan CSR KHSB juga hendaklah mempunyai tadbir urus yang tersusun bagi memastikan faedah aktiviti sumbangan, tajaan dan CSR oleh KHSB tersebut mencapai matlamat dan golongan sasarannya.

6.0 SUMBANGAN POLITIK

- 6.1 KHSB tidak membuat atau tidak menawarkan sebarang sumbangan kewangan atau apa saja bentuk lain sumbangan kepada mana-mana parti politik, pegawai mana-mana parti politik atau mana-mana calon parti politik. KHSB juga mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan sumbangan politik di setiap negara dimana ia beroperasi.
- 6.2 Kakitangan KHSB juga perlu mengelak daripada membuat sebarang tindakan yang kelihatan seperti membuat sumbangan atau perbelanjaan kepada mana-mana parti politik, calon atau kempen politik.

7.0 AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (ANTI-MONEY LAUNDERING ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES ACT 2001 ATAU "AMLA")

- 7.1 AMLA memperuntukkan kesalahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk pencegahan kesalahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram.
- 7.2 KHSB dilarang daripada menyokong atau memudahkan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram.
- 7.3 Penerima sumbangan, tajaan dan CSR KHSB hendaklah dipastikan bahawa ianya adalah sebuah organisasi, individu atau entiti yang sah menurut undang-undang dan kaedah senarai semak pemeriksaan ketekunan wajar "*due diligence*" hendaklah dilaksanakan agar tiada elemen pengaruh tak wajar yang membawa kepada tafsiran kesalahan di bawah AMLA.

8.0 PENAMBAHBAIKKAN POLISI

- 8.1 Polisi ini akan dikaji dan dikemaskini selaras dengan perubahan perundangan dan tatacara serta amalan terbaik yang boleh diterima pakai oleh KHSB.